

PETIKAN 1 : BERITA

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan berita berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

**KERAJAAN TINGKAT USAHA, GALAK ORANG RAMAI TERLIBAT PERTANIAN
MODEN**

SHAH ALAM – Kerajaan akan meningkatkan usaha bagi menggalakkan orang ramai terlibat dalam pertanian moden selepas peruntukan sebanyak RM 1 bilion diumumkan baru-baru ini. Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan akan memfokuskan inisiatif tersebut menerusi peruntukan yang diberikan kepada institusi perbankan sebanyak RM300 juta. Pemerkasaan sektor pertanian moden perlu dilakukan secara berterusan kerana sektor ini bukan saja menyumbang kepada keperluan bahan makanan, malah meningkatkan pendapatan negara. Malaysia perlu menjadikan Singapura, Australia dan China yang mengamalkan budaya pertanian moden sehingga membolehkan beberapa hasil pertanian dijual. Inisiatif ini juga perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah bekalan makanan Malaysia yang masih belum mencukupi. Kita masih perlu mengimport 29.3 peratus cili, 14.6 peratus halia dan 40.3 peratus kubis. Selain itu, Malaysia juga telah membelanjakan RM64 bilion bagi mengimport makanan dari beberapa buah negara seperti China, Argentina dan Thailand, sedangkan nilai eksport Malaysia ialah RM39 bilion pada tahun 2021. Kebergantungan yang tinggi kepada makanan import perlu diminimumkan dengan memperkenalkan pertanian moden agar sumber pertanian kita mampu menampung keperluan rakyat.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan. Petikan yang sama diperdengarkan (petikan berita)

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 1 : BERITA

Petikan ini mengandungi enam soalan.


Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. Berapakah peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan orang ramai terlibat dalam pertanian moden?

RM 1 bilion

[1 markah]

2. Lengkapkan rajah berikut dengan maklumat yang betul.



[1 markah]

3. Berikut merupakan negara yang mengamalkan budaya pertanian moden, kecuali

- A China
- B Thailand**
- C Australia
- D Singapura

[1 markah]

4. Lengkapkan jadual di bawah dengan peratus import sayur-sayuran di Malaysia.

| JENIS SAYUR-SAYURAN | PERATUS IMPORT |
|---------------------|----------------|
| CILI | <u>29.3</u> |
| HALIA | 14.6 |
| KUBIS | <u>40.3</u> |

[2 markah]

5. Lengkapkan pernyataan berikut.

Pertanian moden perlu diperkenalkan untuk meminimumkan kebergantungan yang tinggi kepada makanan **import**.

[1 markah]

6. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah

| | | | |
|-------|---|---|--|
| (i) | Institusi perbankan menerima inisiatif RM300 juta daripada Kementerian Keselamatan dan Makanan. | ✓ | |
| (ii) | Masalah bekalan makanan di Malaysia diatasi dengan mengeksport makanan dari Argentina. | X | |
| (iii) | Sebanyak RM39 bilion bahan makanan yang telah diimport pada tahun 2021. | X | |

[2 markah]

PETIKAN 2 – DIALOG

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan dialog berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

PUSAT SAINS NEGARA KUALA LUMPUR

- Alia : Selamat pagi Haikal. Untuk pengetahuan awak, saya telah mengunjungi Pusat Sains Negara Kuala Lumpur baru-baru ini.
- Haikal : Oh, saya juga pernah berkunjung ke sana. Pada waktu itu, bayaran masuk untuk dewasa ialah RM6. Manakala kanak-kanak dan warga emas pula hanya RM3.
- Alia : Betul tu. Saya datang ke sana pada pukul 9.30 pagi memandangkan waktu operasi Pusat Sains Negara Kuala Lumpur bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Pusat Sains Negara tersebut juga beroperasi dari hari Sabtu hingga Khamis.
- Haikal : Ya, saya dimaklumkan bahawa Pusat Sains Negara Kuala Lumpur ditutup pada hari Jumaat. Oleh itu, kita perlu merancang lawatan apabila ke sana kerana terdapat banyak bahagian yang boleh kita terokai.
- Alia : Saya setuju dengan pendapat awak. Terdapat tiga bahagian utama dalam Pusat Sains Negara tersebut iaitu Galeri Pameran Dalaman, Pameran Bertema dan Zon Pameran Luaran.
- Haikal : Bahagian yang paling saya gemari ialah Ruang *Water Plaza*. Ruang ini menempatkan beberapa bahan pameran berunsurkan air. Selain itu, saya juga tidak melepaskan peluang untuk meneroka ruang Zon Interaktif yang memperkenalkan bahan pameran gergasi dan peralatan senaman.
- Alia : Saya pula banyak menghabiskan masa di ruang Akuarium Hidupan Marin. Di sana, saya dapat melihat pelbagai jenis ikan dan batu karang dalam satu ekosistem terumbu karang yang unik.
- Haikal : Alia, saya yakin awak juga tidak melepaskan peluang bergambar di ruang Akuarium Ikan Air Tawar. Pemandangan hidupan ikan air tawar tropika yang terdapat di sana sudah pasti menarik perhatian awak.
- Alia : Benar Haikal. Pengalaman ini amat bermakna buat saya. Jika ada kelapangan, saya ingin ke sana lagi.
- Haikal : Jika begitu, kita boleh berikan cadangan kepada guru untuk mengadakan lawatan ke sana pada waktu cuti sekolah nanti.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang

diberikan. Petikan yang sama diperdengarkan (petikan dialog)

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 2 : DIALOG

Petikan ini mengandungi **enam** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. Lengkapkan rajah dengan maklumat yang betul.



[1 markah]

2. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul

Pusat Sains Negara Kuala Lumpur beroperasi dari hari Sabtu hingga Khamis.

[1 markah]

3. Berikut merupakan tiga bahagian utama dalam Pusat Sains Negara Kuala Lumpur **kecuali**

- A Zon Pameran Luaran
- B Zon Interaktif**
- C Pameran Bertema
- D Galeri Pameran Dalaman

[1 markah]

4. Zon Interaktif ialah bahagian yang mempamerkan bahan pameran gergasi dan **peralatan senaman.**

[1 markah]

5. *Lengkapkan jadual berkaitan hidupan dalam akuarium.*

| RUANG AKUARIUM | JENIS HIDUPAN |
|------------------------|---|
| Akuarium Hidupan Marin | Pelbagai jenis ikan dan <u>batu karang</u> |

[1 markah]

6. *Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.*

| | | |
|-------|---|---|
| (i) | Pusat Sains Negara Kuala Lumpur memulakan operasi pada pukul 9.00 pagi. | ✓ |
| (ii) | Semua bahagian pameran memaparkan bahan pameran berunsurkan air. | X |
| (iii) | Pelbagai hidupan air tawar tropika dipamerkan di Ruang Water Plaza. | X |

[2 markah]

PETIKAN 3 – PENGUMUMAN

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan pengumuman berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Salam sejahtera.

Untuk makluman semua, Taman Perumahan Gemilang telah diisyiharkan sebagai kawasan wabak denggi berikutan berlakunya kes denggi biasa dan denggi berdarah. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama tuan-tuan dan puan-puan untuk melakukan gotong-royong secara kendiri. Pertama, berus dan cuci serta terbalikkan bekas simpanan air yang tidak digunakan. Kemudian, kutip dan buang bekas yang berpotensi sebagai tempat pemberian nyamuk Aedes. Anda boleh menggunakan racun penghalau nyamuk pada waktu pagi dan petang di dalam rumah. Sila beri kerjasama sekiranya Unit Kawalan Vektor Kementerian Kesihatan Malaysia datang untuk membuat pemeriksaan atau membuat semburan *fogging*.

Tindakan akan dikenakan jika premis anda didapati tidak mengawal pemberian nyamuk Aedes. Di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, denda tidak melebihi Ringgit Malaysia 10,000.00 atau dipenjarakan selama satu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia 50,000.00 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Denda harian pula tidak melebihi Ringgit Malaysia 500.00 bagi setiap satu hari kesalahan, diteruskan sehingga punca pemberian dihapuskan.

Sekiranya anda atau ahli keluarga anda bergejala, dapatkan rawatan dengan segera di klinik atau di hospital yang berhampiran. Kenal pasti gejala demam denggi seperti demam panas, sakit kepala yang teruk, ruam pada kulit, sakit sendi dan muntah-muntah. Luangkan masa 10 minit setiap minggu untuk memeriksa kawasan persekitaran anda kerana tindakan awal boleh menyelamatkan nyawa. Menangani Denggi adalah tanggungjawab bersama.

Sekian, terima kasih.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Petikan yang sama diperdengarkan (petikan pengumuman).

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 3: PENGUMUMAN

Petikan ini mengandungi lima soalan.


Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. *Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

Pengisytiharkan Taman Perumahan Gemilang sebagai kawasan wabak denggi adalah kerana berlakunya kes denggi biasa dan denggi **berdarah**.

[1 markah]

2. *Lengkapkan rajah berikut dengan maklumat yang betul.*



[1 markah]

3. *Lengkapkan jadual berikut dengan maklumat yang betul.*

| AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975 | |
|---|--|
| KESALAHAN PERTAMA | Denda tidak melebihi RM 10,000.00 |
| KESALAHAN KEDUA | Denda tidak melebihi RM 50,000.00 |

[1 markah]

4. Lengkapkan rajah dengan maklumat yang betul.



[2 markah]

5. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul atau (X) bagi pernyataan yang salah.

| | | |
|-------|--|----------|
| (i) | Racun penghalau nyamuk perlu digunakan pada waktu pagi dan petang di dalam rumah. | <u>✓</u> |
| (ii) | Pesalah boleh dikenakan denda harian melebihi RM500.00 bagi setiap satu hari kesalahan sehingga punca pembedakan dihapuskan. | <u>X</u> |
| (iii) | Pemeriksaan selama 10 minit pada setiap minggu dapat membantu menangani demam denggi. | <u>✓</u> |

[2 markah]

PETIKAN 4 - RENCANA

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan rencana berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

SEJARAH LEMBAH BUJANG

Lembah Bujang merupakan sebuah kawasan yang terkenal sejak kurun pertama Masihi lagi. Faktor perdagangan yang berkembang pesat antara India dan China membantu memajukan kawasan ini yang merupakan laluan pintas melalui jalan air Sungai Merbok ke Kelantan dan ke Laut China Selatan. Lembah Bujang juga merupakan tempat persinggahan penting bagi saudagar-saudagar India untuk ke China dan sebaliknya.

Lembah Bujang yang merangkumi kawasan seluas 224 kilometer persegi telah meninggalkan pelbagai kesan sejarah seperti tinggalan candi. Sebanyak 50 buah tapak candi seperti Candi Pengkalan Bujang, Candi Bukit Batu Pahat dan Candi Pendiat telah dijumpai di kawasan tersebut. Candi-candi ini dianggarkan telah dibina antara kurun ke-4 hingga kurun ke-12 Masihi. Sebagai contoh, kajian mendapati Candi Bukit Batu Pahat dipercayai dibina dalam kurun ke-6 Masihi. Penemuan oleh ahli-ahli arkeologi menunjukkan candi-candi ini dibina dengan menggunakan batu-batu pejal.

Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah ditubuhkan oleh Jabatan Muzium untuk memelihara kesan-kesan sejarah yang terdapat di Lembah Bujang. Muzium Arkeologi ini telah dibuka secara rasmi pada 23 Januari 1980 oleh Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Muzium yang terletak di atas Bukit Batu Pahat, Merbok ini dibina untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penggalian arkeologi. Selain itu, muzium ini turut mempamerkan artifak-artifak protosejarah seperti seramik, manik-manik kaca dan rempah ratus.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan rencana akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Petikan yang sama diperdengarkan (petikan rencana).

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 4: RENCANA

Petikan ini mengandungi tujuh soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. *Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.*

Kawasan Lembah Bujang menjadi laluan pintas melalui **jalan air** Sungai Merbok ke Kelantan.


[1 markah]

2. *Lengkapkan jadual dengan maklumat yang betul.*

| LEMBAH BUJANG | |
|---|---|
| Keluasan : 224 kilometer persegi | Tinggalan Candi <ul style="list-style-type: none"> • Candi Pengkalan Bujang • Candi Bukit Batu Pahat • Candi Pendiat |

[1 markah]

3. *Lengkapkan rajah dengan maklumat yang betul.*




[1 markah]

4. Berdasarkan kajian arkeologi, Candi Bukit Batu Pahat Candi dibina dalam

- A kurun pertama Masihi
- B kurun ke-4 Masihi
- C kurun ke-6 Masihi**
- D kurun ke-12 Masihi


[1 markah]

5. Lengkapkan rajah berikut dengan jawapan yang betul.



[1 markah]

6. Lengkapkan rajah berikut dengan maklumat yang betul.



[1 markah]

7. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul atau (X) bagi pernyataan yang salah.

| | | |
|-------|--|---|
| (i) | Saudagar-saudagar dari China ke India menjadikan Lembah Bujang sebagai tempat persinggahan mereka. | ✓ |
| (ii) | Ahli-ahli arkeologi telah menemui artifak-artifak daripada batu-batu pejal. | X |
| (iii) | Kerja-kerja penyelidikan dan penggalian arkeologi dijalankan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. | ✓ |

[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT